

# **ABHAM T.R. DAN SUMBANGANNYA DALAM PUISI DAN SAJAK ISLAMIK**

Noraini Mohamad  
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
*norainimohamad@kuis.edu.my*

## **Abstrak**

Abdul Aziz bin Haji Mahmood atau lebih dikenali dengan nama penanya Abham T.R. merupakan salah seorang tokoh yang banyak memperjuangkan Bahasa Melayu melalui puisi dan sajak Islamik. Kajian berkaitan biografi tokoh Abdul Aziz Haji Mahmood adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan medium bahasa sebagai penyebaran agama Islam. Selain itu, kajian ini juga dibuat bagi mengetengahkan ketokohan beliau sebagai orang yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan Bahasa Melayu dan juga kecintaan beliau terhadap bahasa ibunda melalui sajak dan pelbagai puisi yang dihasilkan. Kelainan juga didapati pada sajak dan puisi yang dihasilkan oleh beliau ialah apabila beliau berjaya menampilkan puisi dan sajak dengan bahasa yang mudah difahami dan santai di samping berjaya membawa mesej Islam yang menyentuh pelbagai aspek seperti sejarah, tokoh, kisah dan sebagainya lagi.

## **1.1 Pendahuluan**

Abdul Aziz bin Haji Mahmood atau lebih dikenali dengan nama penanya Abham T.R. merupakan salah seorang tokoh yang banyak memperjuangkan Bahasa Melayu melalui puisi dan sajak Islamik. Kajian berkaitan biografi tokoh Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan medium bahasa sebagai penyebaran agama Islam. Selain itu, kajian ini juga dibuat bagi mengetengahkan ketokohan beliau sebagai orang yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan Bahasa Melayu dan juga kecintaan beliau terhadap bahasa ibunda melalui sajak dan pelbagai puisi yang dihasilkan. Kelainan juga didapati pada sajak dan puisi yang dihasilkan oleh beliau ialah apabila beliau berjaya menampilkan puisi dan sajak dengan bahasa yang mudah difahami dan santai di samping berjaya membawa mesej Islam yang menyentuh pelbagai aspek seperti sejarah, tokoh, kisah dan sebagainya lagi.

## **1.2 Pengenalan Tokoh**

Nama sebenar tokoh yang dikaji ialah Haji Abdul Ayah @Abdul Aziz bin Mahmood. Dikenali dengan nama Abham T.R. sebagai gelaran pena. Dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada 20 September 1949. Usia beliau sudah menjangkau 68 tahun pada tahun 2017, namun beliau masih aktif bergelar pendidik dan penulis. Mempunyai kepakaran dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Sekarang menetap bersama keluarga di kampung Tualang Rendah, Selising, Kelantan.

Kerjaya sebagai guru bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan Dabong Ulu Kelantan, kemudian beliau berpindah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Pak Badol, Kelantan. Seterusnya beliau meneruskan penghijarahan dalam bidang pendidikan ke Sekolah Menengah Agama Amir Indera Putra, Kelantan. Kemudian beliau dipindahkan ke

Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah I, Kelantan. Menyandang jawatan sebagai Guru Kanan Bahasa di Sekolah Menengah Puteri Saadong Kelantan. Pada masa yang sama beliau juga ditugaskan sebagai Penyelia Petang di sekolah yang sama. Setelah bersara wajib pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai pensyarah pelawat di Jabatan Bahasa Melayu di Universiti Islam Yala bermula tahun 2008 sehingga tahun 2013. Kini Universiti Islam Yala lebih dikenali dengan nama Universiti Patoni. Kemudian pada tahun 2008 bulan Januari sehingga kini beliau dilantik sebagai pensyarah kontrak di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP).

Selain itu, beliau juga terlibat dengan program bersama masyarakat. Ia terbukti dengan beberapa jawatan yang disandang dalam masyarakat seperti menjadi Ketua Satu Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA). Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pemeriksa Kira-Kira Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), di samping terlibat sebagai Bendahari Masjid Tualang Rendah Baru, Pasir Puteh. Kelantan. Abham T.R. terlibat dengan PUSPA sejak tahun 1973 hingga sekarang bermula sebagai ahli biasa, kemudian menjadi Penolong Setia Usaha, Ketua Dua dan kini sebagai Ketua Satu. Sepanjang menjadi penulis bermula pada tahun 1960 lagi beliau tidak pernah berhenti sehingga sekarang dan karya yang terbaharu ialah dalam Berita Minggu Ahad 23 Ogos 2015, sajak bertajuk Kita Bangsa Pengembara.

### **1.3 Latar Belakang Pendidikan**

Latar belakang pendidikan Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood di peringkat rendah ialah di Sekolah Melayu Tualang Tinggi bermula pada tahun 1956 sehingga tahun 1961. Kemudian beliau menyambung di Sekolah Menengah Kamil Pasir Puteh bermula tahun 1962 sehingga 1963. Seterusnya menyambung di Sekolah Maahad Muhammadi Kota Bharu pada tahun 1964 sehingga tahun 1971. Selanjutnya beliau menyambung pengajian tinggi ke Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur pada tahun 1972 sehingga tahun 1973. Seterusnya pada tahun 1976 sehingga tahun 1979 beliau telah melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya (UM) dalam bidang Sarjana Muda Sastera dengan kepujian.

Pada tahun 1983 sehingga tahun 1984, beliau telah menyambung pengajian dalam bidang kaunseling dengan memperoleh Diploma Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selepas itu, beliau menyambung pengajiannya di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2001 untuk mendapat Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang sajak. Tidak cukup sekadar itu, Dr. Abdul Aziz juga telah melanjutkan pengajiannya di peringkat tertinggi di Berkeley International University, Amerika Syarikat pada tahun 2003 sehingga tahun 2007 dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Bahasa dan Budaya.

### **1.4 Sejarah Penulisan**

Selesa dengan gelaran pena Abham T.R. dalam setiap nukilan yang dihasilkan oleh beliau. Minat yang mendalam terhadap bidang penulisan puisi, sajak dan juga cerpen menyebabkan beliau memulakan langkah awal ketika di bangku sekolah menengah lagi. Beliau mula menulis penghujung tahun 1960 ketika masih belajar di sekolah Menengah Agama Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Karya pertama tersiar dalam majalah ialah sajak bertajuk 'Pelajar Agama' tersiar dalam Majalah Warta, Jabatan Agama Islam Johor.

Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Tualang Tinggi yang kini dikenali dengan nama Sekolah Kebangsaan Tualang Tinggi, kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Kamil Pasir Putih sehingga tingkatan dua sahaja. Kemudian beliau menyambung pelajarannya ke Maahad Muhammadi, Kota Bharu sehingga darjah Sembilan. Semasa belajar di Maahad Muhammadi tersebut, beliau telah terlibat dengan penerbitan 'Majalah Obor' iaitu majalah tahunan sekolah dan juga majalah dinding yang bersifat bulanan. Bakatnya terserlah dalam bidang bahasa dan sastera apabila memenangi beberapa kali pertandingan menulis sajak dan rencana yang dianjurkan oleh Badan Penerbitan sekolah tersebut. Semasa di Maahad juga beliau sempat berkenalan dengan rakan penulis yang terkenal pada ketika itu seperti M.Yarisman, M.Jusoh Taib, Norhisyam Mustafa dan lain-lain. Beliau juga dapat berkenalan dan sempat mendapat tunjuk ajar daripada SN Allahyarham S. Othman Kelantan yang kebetulan menyewa rumah tidak jauh dari sekolah Maahad.

Pada tahun 1972 beliau memasuki Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Minat yang mendalam terhadap penulisan menyebabkan beliau mengambil peluang ketika belajar di Maktab Perguruan untuk turut sama terlibat dengan semua aktiviti sastera dan bahasa. Kesungguhan beliau berbaloi apabila berjaya menjadi juara bahas anjuran Maktab Perguruan dan juga memenangi pertandingan menulis sajak peringkat Maktab Perguruan. Selain itu, beliau tidak pernah mensia-siakan peluang untuk berkenalan dengan penulis-penulis hebat yang ditemui pada ketika itu. Antara yang sempat ditemui oleh beliau ialah A.Ghafar Ibrahim atau dikenali dengan gelaran AGI yang mana pada ketika itu merupakan salah seorang pensyarah di maktab tersebut. Selain AGI, beliau juga sempat berkenalan dengan penyair terkenal pada ketika itu iaitu Firdaus Abdullah yang mana kini sudah mendapat gelaran Senator Datuk Dr. Firdaus Abdullah.

Tahun 1974 beliau ditugaskan mengajar di Sekolah Menengah Rendah Dabong, Ulu Kelantan. Semasa bertugas di Dabong beliau mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) secara persendirian. Berkat usaha dan kesungguhan, beliau mendapat keputusan yang baik dalam STPM dan berjaya memasuki Universiti Malaya (UM) pada tahun 1976. Semasa di Universiti Malaya beliau terlibat dengan gerakan sastera di kampus melalui Ikatan Sasterawan Universiti Malaya (ISUM) dan menjawat jawatan sebagai Ketua Dua dan kemudian menjadi Ketua Satu menggantikan Syarif Putra yang telah tamat 1978. Semasa di kampus beliau amat giat menulis sehingga banyak hasil karyanya terutama sajak tersiar dalam hampir semua akhbar dan majalah tanah air. Beliau juga sering diundang membaca sajak di UITM, UKM dan lain-lain. Beliau sering mendapat galakan tokoh-tokoh sastera pada waktu itu seperti Prof. Hashim Awang, Prof. Firdaus Abdullah. Jika disorot kronologi pimpinan ISUM, tokoh-tokoh sastera negara sekarang juga memang antara tokoh yang pernah memimpin ISUM antaranya ialah Datuk Anuar Ridwan, Datuk Johan Jaafar, Salmiah Ismail, Syarif Putra Dr. Anuar Nor Arai dan lain-lain lagi.

Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Sastera dengan kepujian pada tahun 1979, Abham T.R. telah ditugaskan mengajar Bahasa Melayu dan Sastera Melayu di Sekolah Menengah Pak Badol. Oleh kerana berkhidmat berhampiran kampung maka peluang ini telah digunakan sepenuhnya oleh Abham T.R. untuk menulis dan bergerak aktif dalam Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA). Oleh kerana minat beliau untuk belajar pada tahun 1983 beliau mendapat cuti belajar untuk menyambung pelajaran dalam bidang Diploma Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Setalah berjaya menamatkan pengajiannya pada tahun 1984, beliau kembali bertugas di SMK Pak Badol sebagai kaunselor dan guru. Setalah sepuluh tahun berkhidmat di sekolah tersebut beliau ditukar ke sekolah agama atau dikenali dengan nama

Maahad Amir Indera Putra, Bachok selama dua, kemudian ke Sekolah Menengah Tanah Merah (1) selama 2 tahun dan Sekolah Menengah Puteri Saadong selama 10 tahun. Di sekolah tersebut beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Bidang dan juga Penyelia Petang DG 48. Beliau juga menyambung pelajarannya di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mendapat Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang sajak. Mulai tahun 2001 beliau bertukar semula ke Sekolah Menengah Pak Badol sebagai guru kanan dan bersara di sekolah tersebut pada tahun 2005. Sebelum bersara beliau sempat menyambung pelajarannya secara jarak jauh di Berkeley International University, Amerika Syarikat dan berjaya mendapat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang '*Language and Culture*' pada tahun 2007.

Setelah bersara dari perjawatan kerajaan, kini Abham T.R. dilantik sebagai pensyarah pelawat Bahasa Melayu di Universiti Islam Yala yang kini dikenali sebagai Universiti Pattani, Thailand bermula pada Jun 2008 sehingga Disember 2013. Kuliah hanya dijalankan pada hari jumaat dan Sabtu sahaja. Beliau juga menghasilkan sebuah buku untuk keperluan pengajian di sana bertajuk 'Penulisan Cerpen dan Novel'. Pada tahun 2008, beliau juga dilantik sebagai pensyarah dan Ketua Jabatan Bahasa dan Ilmu Asasi di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP), Pengkalan Chepa, sebagai pensyarah kontrak. Di Institut ini beliau juga menghasilkan sebuah buku sebagai teks untuk IDIP iaitu 'Adab Dalam Islam'.

Abham T.R. mula menulis ketika berada di Maahad, bermula dengan menulis untuk pertandingan dan akhirnya menulis dalam 'Majalah Warta' Jabatan Agama Islam Johor, 'Majalah Dian', 'Majalah Santajiwa' dan lain-lain lagi. Beliau mula menulis pada tahun 1960 dan karya pertama tersiar dalam penerbitan ialah sajak bertajuk 'Pelajar Agama' tersiar dalam 'Warta Johor' pada Disember tahun 1969. Seterusnya karya-karya Abham T.R. tersiar dalam majalah Dian, Santa jiwa, Dewan Sastera, Dewan Budaya, Perisa, Mastika dan lain-lain. Karya-karya beliau juga turut tersiar dalam Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Watan, Siasah, Harakah, Pengasuh, Jendela Timur, Buletin Darul Naim dan lain-lain lagi.

Selain sajak beliau juga menulis cerpen dan rencana. Pada peringkat awal beliau belajar menulis melalui pembacaan seperti novel, sajak, cerpen dan lain-lain. Selain dari pembacaan, beliau juga mendapat bimbingan secara tidak langsung daripada kawan-kawan penulis dan juga melalui bengkel yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis dan Agensi Penulis seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Bimbingan secara rasmi berkaitan penulisan didapati apabila Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan bengkel penulisan untuk penulis pantai timur yang dibuat di Terengganu dan Kelantan. Hasil daripada bengkel tersebut, lahir 'Antologi Cerpen Timur' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Penulis juga mengikuti perkampungan penulis Malaysia yang juga dibuat di Terengganu dengan bimbingan penulis terkenal tanah air seperti arwah Dr. Othman Puteh, Prof. Rahman Syaari, Dr. Anis dan lain-lain. Selain itu, Abham T.R. juga terpilih mengikuti perkampungan penulis di Taman Budaya, Sumatera Barat sebagai lanjutan dari perkampungan penulis yang diadakan di Malaysia. Selama seminggu beliau dibimbing oleh penulis terkenal Indonesia dan juga penulis terkenal Malaysia. Hasil daripada perkampungan tersebut, beberapa buah buku telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, antaranya ialah 'Antologi Cerpen Danau Meninjau'.

Pada permulaan bersara tahun 2005, Abham T.R. telah menyertai kursus penulisan cerpen dan novel yang dikendalikan Zaharah Nawawi. Selain mempunyai pengalaman menghadiri kursus, Abham T.R. juga sering diundang untuk memberi kursus kepada penulis-penulis muda anjuran Persatuan Penulis, Maktab Perguruan, Dewan Bahasa dan

sekolah-sekolah. Pengalaman memberi kursus dan menghadiri kursus menambah lagi kematangan dan pengalaman beliau sebagai penulis.

### **1.5 Anugerah Penulisan**

Berikut merupakan anugerah dan hadiah yang diperoleh sepanjang pembabitan beliau dalam bidang penulisan.

- Hadiah Utama Sayembara Menulis Sajak Puspa 1974 bertajuk ‘Drama Rerama Dan Bebunga’
- Hadiah Pertama Menulis Sajak Hari Guru Negeri Kelantan 1983 bertajuk ‘Tamsil’
- Hadiah Penghargaan Pertandingan Menulis Kumpulan Sajak Sempena Abad 15 Hijrah bertajuk ‘Tafakur’. Anjuran DBP dan Jabatan Perdana Menteri.
- Hadiah Puisi Kebangsaan PNB-GAPENA bertajuk ‘Yang Kuingin dan Tak Kuingin’.
- Hadiah Puisi Kebangsaan Esso- GAPENA bertajuk ‘Sabda Perdana’.
- Sayembara Mengarang Puisi 50 tahun merdeka anjuran DBP bertajuk ‘Di Bawah Pohon Matahari Khatulistiwa’.
- Hadiah Sagu Hati Peraduan Menulis Sajak 40 tahun Gapena bertajuk ‘Bangsa Merdeka’.
- Hadiah Sagu Hati Pertandingan Menulis Sajak Bulan Bahasa 2012 DBP Wilayah Timur bertajuk ‘Bahasa Adalah’.
- Anugerah Penggiat Budaya, daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan tahun 2013.
- Anugerah Penulis Kelantan, daripada kerajaan negeri Kelantan tahun 2013.
- Anugerah pertandingan menulis sajak bulan bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Timur
- Anugerah Penggerak Sastera Kelantan 2015

### **1.6 Hasil Karya**

Karya yang dihasilkan oleh Abham T.R. adalah melalui sajak, cerpen, pembentangan kertas kerja dan juga buku ilmiah. Berikut merupakan karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau.

#### **1.6.1 Sajak**

- Tafakur, Kota Bharu, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA), 1981.
- Tali Iman, Kota Bharu, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan, 1987.

- Dua Samudera, Kota Bharu, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan, 1999.
- Wasiat, Kota Bharu, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, 2005.
- Seberang Diri , (bersama Mazli Husma), Pustaka Dewan Puisi, 2007.
- Di Bawah Pohon Matahari Khatulistiwa, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan, 2010.
- Mengenang-Mu Puisi-puisi Melayu Berunsur Islam 1933-1986 (Diselenggarakan oleh Ahmad Kamal Abdullah dan Mohd Hanapi Ibrahim), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Mencari, (Bersama Mat Daud Molly dan M.Yarisman), Kota Bharu, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (nama lama Persatuan Penulis Pasir Puteh),1977.
- Gema Membelah Gema 9, Kuala Terengganu, HPN ke 11 ,1988.
- Guru Oh Guru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Sumpah Setia Bahasa, Kuala Lumpur, Gapena, 1999.
- Aksara Merdeka, Kuala Lumpur, Gapeniaga Sdn. Bhd., 2000.
- Gema Membelah Gema 14, Shah Alam, HPN ke 16 2004.
- Tsunami: Rakaman Sejarah Ngeri, Kuala Lumpur, Karyawangsa Sdn.Bhd., 2005.
- Ratib 1000 Syair, Kuala Lumpur, Gapena, 2005.
- Antologi Sajak Bisikan sebanyak tujuh siri yang terkini Bisikan 7, Kelantan, Puspa 2009.
- Tsunami Rakaman Sejarah Ngeri, Talib Samat dan Azim Salleh (Penyelenggara), Selangor: 2005.
- Lentera Zaman,terbitan Gapena 2014.
- Tanah Serendah Sekebun Bunga (Penyunting: Wan Jaafar Ahmad), Puspa 1980.
- Tanah Serendah Sekebun Bunga (Penyunting: Prof Hashim Yaacub) Kuala Lumpur: DBP.

### **1.6.2 Cerpen**

Selain tersiar di akhbar-akhbar seperti Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Utusan Zaman, Utusan Melayu Jawi, Siasah dan lain-lain cerpen-cerpen beliau juga termuat dalam majalah Alam Wanita dan antologi cerpen Timur terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Titisan terbitan Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan serta Danau Meninjau terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

### **1.6.3. Kertas Kerja Pembentangan**

Nasihat Dalam Teori Sastera Melayu/Islam, kata pengantar antologi sajak Bisikan 7, terbitan Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA), 2009.

Masa Depan Bahasa Melayu di Selatan Thai, Kertas Kerja di Bentang di Universiti Islam Jala, 2010.

Bagaimana cara menulis cerpen dan sajak, kertas kerja disampaikan kepada pelajar tingkatan 5 SMK Beris Pancur, 2004.

Bagaimana Menulis Puisi, kertas kerja yang disampaikan dalam bengkel sastera anjuran E-Sastera di Kota Bharu. Tok Kenali Sebagai Cerpenis, Kertas Kerja yang dibentang dalam Dialog Pantai di Pahang anjuran bersama Gapena, Pelita, DPMP, PPK dan Puspa.

### **1.6.4. Buku Ilmiah**

Penulisan Cerpen dan Novel (2013). Terbitan PUSPA

Adab Dalam Islam (2014), Terbitan Faizrezeki Enterprise.

### **1.7 Keterlibatan Dalam Aktiviti Penulisan**

Abham T.R. banyak terlibat dengan aktiviti penulisan. Beliau juga bergerak aktif memberi sumbangan khususnya dalam bengkel penulisan di samping memberi pendedahan kepada penulis-penulis muda dan juga masyarakat. Antara aktiviti yang disertai oleh beliau seperti menghadiri bengkel dan latihan penulisan yang mana beliau bertindak sebagai fasilitator yang memberi latihan dan sebagainya. Berikut merupakan keterlibatan beliau dalam pelbagai aktiviti dan program penulisan.

- Bengkel penulisan cerpen dan sajak kepada ahli dan pelajar.
- Bengkel penulisan drama dan teater untuk ahli pernah mengundang tokoh besar seperti Allahyarm Ali Fiji dan Allahyarham Hassan Jali
- Bengkel penulisan rencana kepada ahli dengan bimbingan pensyarah Institut Perguruan Kota Bharu, En Aminudin Mamat dan En Hasbi.
- Menjadi hakim sayembara deklamasi puisi kemerdekaan anjuran Gapena kerjasama kerabat Puspa, PPK, Jabatan Penerangan dan Jabatan Kebudayaan sejak mula diperkenalkan 29 tahun lalu hingga 2015.
- Menjadi hakim pertandingan membaca sajak anti dadah anjuran jabatan pelajaran dan kementerian pelajaran bermula 1995 hingga 2005 (bersara).
- Menganjurkan pertandingan mengarang pantun dengan kerjasama DBP 2012
- Menganjurkan kembara bahasa dan budaya ke utara Perak(Lepas), Perlis (3P) dan Kedah (Angkatan Sasterawan) Sept 2014.
- Menganjurkan kembara bahasa ke Pulau Pinang (2PNP, DBP Utara, dan Pejabat Kebudayaan dengan kerjasama DBP Kuala Lumpur Oktober 2015
- Kursus penulisan kreatif kerjasama Gapena di Pasir Puteh.
- Menghadiri Dialog Utara di Yala Thailand 20-23 Ogos 2015
- AJK Resolusi Sidang Kemuncak Penulis Malaysia 24-26 Oktober 2014 di Darulaman Golf and Country Club, Jitra, Kedah.
- Menganjurkan kursus novel Pantai Kasih yang menjadi komsas kelolaan Prof Rahman Syaari di SMK Selising 2015.
- Mengadakan hari keluarga Puspa sebagai menyambut ambang merdeka di Resort Raja Dagang Semerak pada 28 dan 29 Ogos 2015
- Mengadakan seminar SPM untuk pelajar-pelajar Felcra Perak, Terengganu dan Kelantan.
- Mengadakan acara baca puisi 100 tahun Tok Janggut di Pasir Puteh pada 16 Sept 2015 dengan kerjasama DBPWT, Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan, Peradaban dan lain-lain.
- Memasuki pesta teater Kelantan dan menjadi juara dengan drama Mayat arahan Dato' Suhaimi Yaakub.
- Memenangi pertandingan tarian peringkat Kelantan dan mewakili Kelantan ke peringkat kebangsaan bimbingan Cikgu Tahir Hasan.
- Menganjurkan pertandingan mengarang puisi Islam peringkat kebangsaan sebanyak dua kali dipengerusikan Mat Daud Molly, antara pemenangnya ialah Prof Dr Siti Zainon Ismail, Abdul Hadi Yusof dan Leo AWS.
- Mengikuti kembara bahasa anjuran DBP Wilayah Timur
- Mengikuti kembara sastera ke Sabah dan Sarawak anjuran Peradaban.
- Membaca sajak malam apresiasi Ramadan anjuran Gema dan DBP Wilayah Timur.

- Pelancaran dan Bicara Antologi Bisikan 8 oleh Hanif Mohd Nor dan Nawawee Mohammad sempena mesyuarat agung Puspa kali ke 28 bertempat di Sweet Beach Resort Tok Bali, Pasir Puteh. 14-15 Mac 2014.
- Membaca sajak malam puisi dunia di Kota Bharu, anjuran peradaban dan semua persatuan di Kelantan kerjasama DBPWT 2014.
- Pertemuan, Ramah Mesra dan Baca Puisi Hari Bapa bersama KRT Keting, Gunong 15 Jun 2014
- Bicara tokoh –tokoh Puspa Allahyarham Daud Yusof oleh Dato’ A.Aziz Deraman, Allahyarham Mat Daud Molly oleh Abham T.R. dan Allahyarham Wan Jaafar Ahmad oleh Wan Jamaludin Wan Omar. Berempat di DBP Wilayah Timur 27 Sep 2014.
- Manifestasi Puisi dan Lagu di SMK Bukit pada 21 November 2014
- Bengkel Penulisan Kewartawanan di SMK Tok Janggut Pasir Puteh pada 23 Feb 2013
- Manifestasi Seni dan Kebudayaan, Persembahan Teater Kubang Labu 2 di SMK Bukit Jawa, Pasir Puteh pada 8 Mac 2013
- Menyertai Persidangan Meja Bulat Kajian Budaya dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Majlis Perbandaran Kota Bharu pada 23 Jun 2013
- Menyertai Apresiasi Penggiat Seni Kelantan di Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan pada 26 Jun 2013
- Menyertai Program Merakytakan Seni Budaya-Ihya Ramadhan bertempat di Kompleks Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kelantan pada 30 Julai 2013
- Pementasan Teater Maka Sang Rajuna Tapa Pun Membuka Kota bertempat di Wisma KDZM Kota Bharu pada 6-7 Sept 2013.

### 1.8 Sumbangan Dalam Puisi Dan Sajak Islamik

Hasil daripada pembacaan dan penulisan beliau, penulis mendapati kecenderungan Abham T.R adalah lebih kepada sajak dan puisi berbentuk Islamik. Perkara ini dibuktikan dengan penghasilan sajak dan puisi yang banyak menyentuh mengenai skop Islam sama ada sejarah, tokoh, hukum hakam dan sebagainya lagi. Posisi yang menarik untuk dikaji daripada seorang penulis sajak yang menagungkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara dan menjadikan medium penulisan sajak dan puisi sebagai penyebaran dakwah Islamiah. Antara sajak yang berkait dengan akidah adalah yang bertajuk ‘Adalah Aku’.

*Adalah aku adalah kau adalah hamba-Nya (5x)  
 Dapatkah kita merasainya  
 Duhai nafiri diri  
 Adaku ada kau ada-Nya (5x)  
 Tiadaku tiada kau  
 Dia tetap ada  
 Baqa’ dan abadi*

(09 Zulhijjah 1428H)

Selain itu, banyak lagi contoh sajak-sajak Islamik yang dihasilkan mewakili pelbagai skop. Antara tokoh yang dibawa dalam nukilannya ialah sajak tentang AhmadiNejad, Barack Hussein Obama, Dato’ Onn Jaafar, Tok Kenali dan beberapa lagi.

‘Tok Kenali’



*Walau namaku Muhammad Yusuf  
Tapi Tok Kenali lebih dikenali  
Kampung kelahiran  
Menjadi idaman  
Hingga sekolah dan jambatan  
Turut memberi penghormatan*

.....  
.....

Tualang Rendah (2010)

Begitu juga sajak mengenai hukum Islam ada juga dimuatkan dalam nukilan beliau yang bertajuk 'Hudud'.

*Sempadan yang terbina  
Sejak azali*

*Ia berdiri  
Di antara horizontal  
Dan langit waktu  
Tangan angina  
Mengayun buai  
Sedari bayi*

(21 Zulhijjah 1430H)

Selain itu, Abham T.R. juga banyak menulis sajak berkaitan dengan tempat seperti Palestin, negeri Kelantan dan sebagainya lagi bagi menggambarkan sejarah dan peristiwa di tempat-tempat tersebut.

*Hanya batu kecil  
Itulah cuma senjatamu  
Batu kecil menelurkan suara kecil  
Dari tangan kecil  
Itulah gerak nuranimu  
Menghebahkan mayapada  
Palestin negaraku-nyawaku  
Kuhadiahkan darah tulang daging  
Urat saraf rindu dan cinta*

.....  
.....

(27 Disember 2007)

Sajak berkaitan pengharapan dan doa banyak juga dinukilkan oleh Abham T.R. Ini antara sajak yang mengajak manusia supaya tahu bersyukur.

*Apabila hujan turun mencurahkan bah  
Orang mula gelabah  
Kereta rumah harta dan tanaman musnah  
Hujan turun perlahan  
Butiran kecil menjirus tanaman  
Orang juga terlupa Tuhan*

*Memakmurkan alam  
Apabila kemarau menyerang  
Gelisah kepanasan membahang  
Rumput merah tanaman musnah  
Ternakan mati kehausan dan kelaparan  
Tuhan menurunkan suhu  
Angin dingin serta hujan air  
Orang juga terlupa Tuhan  
Membasah bumi memberinya makan*

.....  
.....

(Muharram 1428H)

Contoh-contoh sajak yang dibawakan ini adalah sebahagian sahaja daripada nukilan yang dihasilkan oleh Abham T.R. Berdasarkan beberapa nukilan ini membuktikan banyak unsur Islam yang diterapkan dalam sajak beliau. Antara yang boleh dijadikan pengajaran adalah berkaitan dengan prinsip sebagai orang Islam, pertahankan hak-hak hukum dalam Islam, penjagaan maruah dan negara orang Islam, muhasabah diri, bersyukur dan sebagainya lagi yang kita boleh jadikan panduan dan sandaran dengan bahasa yang singkat dan tersirat. Justeru kajian ini membuktikan bahawa sajak dan puisi Abham T.R. mampu memberi sumbangan yang besar terhadap penerokaan dalam bahasa mewakili sajak dan puisi yang mempunyai elemen ajaran Islam.

## **1.9 Penutup**

Kesimpulan daripada penulisan biografi Abham T.R. atau nama sebenarnya Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood membuktikan bahawa beliau merupakan salah seorang penulis yang berbakat dan mampu membawa sajak dan puisi kepada elemen Islam sekali gus boleh mendekati masyarakat kepada Islam. Ia juga membuktikan sumbangan Bahasa Melayu Sastera sebagai satu bidang penulisan yang boleh digunakan dalam medium penyebaran dakwah Islam kerana penulisan sajak dan puisi yang berorientasikan Islam merupakan satu kesenian dan juga cara penyampaian dakwah secara santai.

## **Rujukan**

- Abham T.R. 2010M/1431H. *Kumpulan Sajak: Di Bawah Pohon Matahari Khatulistiwa*. Kelantan: Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA).
- Projek Biodata Penulis. 2011. *Bahagian Dasar & Penyelidikan Sastera*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Temu Bual Penulis bersama Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood, di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP), pada 6 April 2017. Khamis, pukul 10.00 pagi.